



# Majlis Kota Kinabalu

# NEWSLETTER

2023

## In this issue:

- Hadith
- Friday Sermon
- Activities in Majlis
- Article
- Recipe
- Tips

## Hadith

*Abu Huraira reported: The Messenger of Allah, peace and blessings be upon him, said:*

مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلَا يُؤْذِ جَارَهُ  
وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيُكْرِمِ  
صَيفَهُ وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيَقُلْ  
خَيْرًا أَوْ لِيَصْمُتْ

*Whoever believes in Allah and the Last Day, let him not harm his neighbor. Whoever believes in Allah and the Last Day, let him honor his guest. Whoever believes in Allah and the Last Day, let him speak goodness or remain silent.*

*(Sahih al-Bukhari 6136)*

## Friday Sermon August 25, 2023

### What is True Repentance?

His Holiness(aba) said that the Holy Prophet(sa) was asked what connotes true repentance. The Holy Prophet(sa) replied by saying regret and sorrow. It is in doing so that one can have their sins forgiven and benefit from the mercy of Allah.

His Holiness(aba) said that the Promised Messiah(as) has outlined the conditions for true repentance. The first condition that he stipulated was to abandon ill and evil thoughts. This is a great struggle which one must undertake in order to achieve true repentance.

His Holiness(aba) said that the second condition for true repentance stipulated by the Promised Messiah(as) was that one must exhibit true regret and sorrow. They must understand that the enjoyments and allures of this world are temporary,

and remaining attached to them renders no benefit.

His Holiness(aba) said that the third condition stipulated by the Promised Messiah(as) for true repentance is to firmly resolve never to go near such evil again. This should not be limited to mere resolve, rather a concerted effort must be made to replace the evil deeds with good and virtuous deeds.

His Holiness(aba) said that falling into one evil leads to another, and then another. Hence it is of great importance to achieve true repentance. We must try to purify our hearts and do our utmost to ensure that we never fall short in fulfilling the rights owed to Allah the Almighty and those owed to His creation. It is imperative for us to always implement the teachings of Allah, His Messenger(sa) and the Promised Messiah(as) in order to fulfil the purpose of our pledge of allegiance. Without efforts towards true repentance, our oath of self-reformation would be rendered hollow. For full summary visit this link <https://www.alislam.org/friday-sermon/2023-08-25.html>



# AKTIVITI MAJLIS

## PROGRAM MENGUTIP SAMPAH

Pada 1 Januari 2023, Lajnah Kota Kinabalu memilih untuk memulakan tahun baru dengan program mengutip sampah di kawasan sambutan Tahun Baru pada malam ambang Tahun Baru. Ini bukanlah kali pertama tetapi sudah menjadi rutin tahunan Lajnah Kota Kinabalu pada setiap tahun. Taktala orang ramai bersuka ria menyambut tahun baru pada malam itu, Lajnah sudah bersedia untuk berkhidmat membersihkan kawasan tersebut pada esok hari. Lokasi program pada mulanya di Pantai Teluk Likas ditukar ke Kawasan Fun Fair Stadium Likas. Program yang bermula pada jam 8 pagi itu dihadiri oleh 12 orang Lajnah dan tiga orang Nasirat serta dua orang Banath. Program berakhir sebelum jam 12 tengahhari.




## LAWATAN SAMBIL BELAJAR

Lawatan sambil belajar yang diadakan pada 15 January 2023 ke Hari Terbuka Armada Timur 2023. Program ini anjuran Sek Taalim dan Tarbiyat Jemaat Kota Kinabalu. Lajnah mengambil inisiatif untuk ikut serta dalam program ini agar Nasirat dan Lajnah juga berpeluang untuk melihat dan merasai sendiri pengalaman tersebut. Antara program yang diadakan adalah pameran, Boat Ride, Gerai Jualan, Sunset Ceremony, Persembahan Kawad, Pameran Pesawat, Pertandingan Mewarna dan yang paling menarik lawatan kapal. Lajnah dan nasirat begitu teruja dapat melawat kapal-kapal Armada.




## SAMBUTAN 100 TAHUN LAJNA

Pada 25 Februari 2023, beberapa orang Lajnah dari Majlis Kota Kinabalu telah mengikuti sambutan 100 Tahun Lajnah yang diadakan di Baitul Rahmah, Sandakan.



## JALSA YAUME MUSLEH MAU'UD

Pada 23 Februari 2023, Lajnah Kota Kinabalu telah mengadakan Jalsa Yaume Musleh Mau'ud di Baitul Redha, Kota Kinabalu. Program ini dihadiri oleh 15 orang Lajnah, 4 orang Nasirat, 3 orang Banath dan seorang tetamu dari Majlis Bukit Sentosa. Dalam program ini, Puan Aalia Bujing telah menyampaikan sebuah ceramah bertajuk "Peranan Lajnah dalam Mewujudkan Musleh di Rumah Masing-masing".





# AKTIVITI MAJLIS

## JALSA YAUME MASIH MAU'UD



Pada 21 Mac 2023, Majlis Kota Kinabalu berjaya menganjurkan Jalsa Yaume Masih Mau'ud as secara online melalui platform Google Meet. Jumlah keseluruhan kehadiran adalah 30 orang, iaitu 22 lajna, enam nasirat dan dua orang tamu. Pemenang kuiz sempena sambutan Yaume Masih Mau'ud(as) ialah Cik Nurul Syuhadah (pertama), Puan Syaidatul (kedua) dan adik Humayraa Baheer (ketiga).



## PROGRAM SEDEKAH BULAN RAMADAN

Pada 2 April 2023, anggota Majlis Kota Kinabalu telah mengedarkan makanan kepada beberapa pesakit, staf dan petugas keselamatan di Hospital Queen Elizabeth 1. Sebanyak 150 pek makanan berjaya dibungkus dan diagihkan atas sumbangan daripada anggota-anggota Majlis Kota Kinabalu. Pihak hospital telah menyampaikan ucapan terima kasih dan penghargaan mereka kepada pihak Jemaat Ahmadiyah.

## Yaume Khilafat



**LAJNAH IMAILLAH KOTA  
KINABALU**



## JALSA YAUME KHILAFAT

Yaume Khilafat telah diadakan oleh Lajna Imaillah Kota Kinabalu di Baitul Redha, Kota Kinabalu pada 18 Jun 2023. Program tersebut telah dihadiri oleh para lajna, nasirat, dan banath dengan jumlah yang memuaskan.

Dalam bahagian pembukaan, tilawah, hadith, malfuzat dan nazm telah disampaikan oleh nasirat dan lajna-lajna muda kota kinabalu. Selepas Sadr Majlis KK memberi doa pembukaan, program diteruskan dengan ceramah pertama (Pengorbanan sebagai lambang kecintaan kepada Khilafat) oleh Pn. Dayang Nurhidayati. Slot kesihatan oleh Pn. Jumariya juga telah diselitkan dalam program sebelum ceramah kedua (Nizam Khilafat: Itaat) oleh Pn. Syaidatul Saima bermula.

Sebelum program tamat, slot kuiz telah diatitkan oleh Pn. Zainah Amit (Sadr Zilla Sabah Barat). Nasirat dan Lajna telah dibahagikan mengikut kategori umur masing-masing untuk menjawab soalan kuiz. Hadaiah diberikan kepada mereka yang menjawab dengan betul.

Akhir sekali, Pn. Aalia Bujing (Naib Sadr Mulk 1) menyampaikan ucapan dan doa penutupan. Program ditamatkan dengan sesi fotografi bersama para hadirin.



# AKTIVITI MAJLIS

## TA'LIMUL QURAN



Kelas mengaji al-quran atau talimul Quran bagi anggota lajna mula diadakan pada bulan Ogos yang mana ia dilaksanakan pada setiap hari Selasa selepas Maghrib di Baitul Redha, Kota Kinabalu. Puan Aalia Bujing merupakan tenaga pengajar bagi kelas mengaji tersebut.

“Sangat bermanfaat kelas ini dan pasti rugi jika tidak join. Menambahkan lagi ilmu tajwid dan seronok belajar bersama-sama. Mubarak kepada Sekretari Ta'lim dan Tarbiyat yang berinisiatif melaksanakan kelas ini khususnya di bawah bimbingan Pn. Aalia.” - dikatakan oleh Puan Zainah Amit setelah beliau berkesempatan mengikuti kelas mengaji yang ke-3.

## AKTIVITI REKREASI



Aktiviti Rekreasi di Sinilou Kibambangan Water Park, Penampang telah diadakan oleh sekretari sihat jasmani pada 31 Ogos 2023 (Khamis). Lebih kurang 20 orang mengikuti program tersebut. Anggota yang mengikuti program digalakkan memakai tema tudung Malaysia sempena Hari Merdeka. Mereka berkumpul seawal 7 pagi untuk menaikkan bendera dan berdoa sebelum bergerak dari Baitul Redha ke lokasi destinasi. Sarapan dan makan tengahari disediakan dalam bentuk jamuan potluck oleh anggota lajna yang sudi memberi sedekah. Aktiviti bermandi manda di waterpark itu berlangsung dari 9 pagi hingga 12 tengah hari. Alhamdulillah program berjalan dengan lancar dan semua gembira.


## EID MILAN

Pada 20 Mei 2023, acara Eid Milan atau Majlis Rumah Terbuka telah diadakan oleh Jemaat Ahmadiyah Kota Kinabalu di Baitul Redha. Ramai anggota Lajna telah melibatkan diri dan juga menyumbangkan tenaga, masa serta sumbangan dari segi wang ringgit dalam program ini. Terutamanya team Dhiyafat yang telah bertungkus lumus membuat persiapan beberapa hari sebelum program. Semoga segala pengorbanan daripada anggota Lajna mendapat keberkatan daripada Allah Swt. Sesungguhnya tanpa kerjasama daripada semua, program ini pasti tidak akan berlangsung dengan jayanya.

## WAQARE AMAL UNTUK PERSEDIAAN PROGRAM



Lajna Kota Kinabalu mengira kelengkapan barang dapur ketika elektrik putus.



Bahan-bahan basah dan kering telah disusun mengikut menu hidangan.

**Eid Mubarak**

JEMPUTAN KE MAJLIS RUMAH TERBUKA  
**AIDILFITRI**

**AHMADIYYA MUSLIM COMMUNITY**

**20 MEI 2023 (SABTU)**  
128 A, Sunny Garden, Jln Tuaran Bt 1 1/2,  
Kota Kinabalu, Sabah  
11.00 pagi - 3.00 petang

**LOVE FOR ALL HATRED FOR NONE**




# AKTIVITI MAJLIS

## IJTIMA LAJNA & NASIRAT ZILLA SABAH BARAT 2023

Ijtima Lajna & Nasirat Zilla Sabah Barat 2023 telah diadakan di Baitul Redha, Kota Kinabalu selama dua hari iaitu pada 8 dan 9 Julai 2023. Program tersebut telah dihadiri oleh para lajna, nasirat, dan banath dari beberapa majlis iaitu majlis Kota Kinabalu, majlis Kota Marudu, majlis Lingkungan dan majlis Labuan.

Pada hari pertama, acara ta'lim yang diadakan adalah tilawah al-quran, hafazan, nazm, qaseedah dan pidato. Lajna dan nasirat dari pelbagai majlis telah turut menyertai dan mengambil bahagian dalam acara-acara tersebut. Selain itu, acara sukaneka juga diadakan pada sebelah petang. Terdapat pelbagai permainan yang menarik seperti meniup belon dalam cawan, sedut gula-gula menggunakan straw dan sebagainya. Semua anggota tidak kira umur menunjukkan semangat yang sangat baik sewaktu permainan berlangsung.



Pada hari kedua, acara ta'lim yang diadakan adalah pidato spontan, sesi interaksi, kuiz, dan pembentangan poster (kategori nasirat). Seterusnya, pertandingan kraftangan berlangsung yang mana Lajna harus mencipta dan menghias bakul manakala Nasirat dibahagikan kepada tiga kategori mengikut umur untuk menghias cermin, mencipta mahkota (crown), atau mencipta bunga daripada straw. Semua acara tersebut mempunyai jumlah penyertaan yang bagus kerana semua Sadr-sadr Majlis telah berusaha menyemarakkan semangat para anggota untuk bertanding dalam Ijtima kali ini. Pada penghujung program, acara penyampaian hadiah kepada pemenang-pemenang setiap acara serta acara penutupan telah dilaksanakan.



Johan kraftangan lajna:  
Majlis Kota Kinabalu



# SEKILAS KENANGAN JALSA UK 2023

Setiap Ahmadi pasti memiliki impian untuk hadir ke Jalsah Salanah di mana Huzoor yang tercinta berada. Impian untuk melihat sendiri pelaksanaan program tahunan yg hebat ini tersemat di dalam doa.

Ibarat perumpamaan 'tuah ayam nampak di kaki, tuah manusia siapa yang tahu'. Alhamdulillah tahun ini saya berpeluang hadir ke Jalsah Salanah UK bersama 2 orang lagi lajna iaitu Pn. Aisya Abu Bakar dan Pn. Amatul Qayum Ahmad.

Perjalanan merentas Asia Tenggara ke Asia Timur kemudian ke bumi di sebelah barat bukanlah perjalanan yang sebentar. Namun, keluhan dan keletihan tidak terasa kerana teruja untuk bertemu dengan Huzoor. Alhamdulillah perjalanan kami dipermudahkan dan penuh dengan 1001 cerita.

Di UK, kami merasai penginapan di Baitul Futuh, nyaris-nyaris di Hadeeqatul Mahdi dan Jamia.

Tidak berharga sesebuah pengalaman jika tidak diiringi dengan dugaan dan cubaan. Alhamdulillah berkat doa khalifah, semuanya dipermudahkan oleh Allah Taala.


Terlalu banyak kenangan manis yang dinukilkan sepanjang kembara musafir saya di bumi UK, yang tidak mungkin dapat dizahirkan melalui tinta.

Bagi saya, penyelenggaraan dan pengkhidmatan para Ahmadi sepanjang berada di UK sangatlah membuatkan saya terkagum-kagum dan berasa kerdil. Betapa ikhlasnya mereka berkhidmat kepada para tetamu yg puluhan ribu. Penuh senyuman, keikhlasan dan sapaan salam perkenalan seakan-akan sudah lama kenal. Masya Allah.

Banyak contoh teladan yang dapat direalisasikan di negara sendiri.

Mulaqat dengan Huzoor, berkunjung ke rumah Huzoor, solat langsung berimamkan khalifah, melihat masjid<sup>2</sup> Jemaat yang gah di UK, bertemu saudara-saudara seiman di kalangan pelbagai bangsa dari segenap pelusuk dunia dan banyak lagi pengalaman membuatkan hati dan jiwa ini sentiasa tunduk padaNya serta berasa bersyukur justeru memberikan semangat untuk terus mengkhidmati Jemaat Illahi ini.

Alhamdulillah. Alhamdulillah. Alhamdulillah.





# Recipe



# Banana Bread

## YOU'LL NEED

3 ripe bananas  
1 cup white sugar  
1 egg  
1/4 cup melted butter  
1 1/2 cups all-purpose flour  
1 teaspoon baking soda  
1 teaspoon

## ALL YOU HAVE TO DO

1. Mash bananas with a fork.
2. Preheat oven to 325° F (165° C). Grease your loaf pan.
3. Combine bananas, sugar, egg, and butter together in a bowl.
4. In a separate bowl, mix flour and baking soda. Stir into the banana mixture.
5. Add salt then pour into pan.
6. Bake in the oven for about 1 hour.



# TIPS: PETUA MENGHILANGKAN BATUK



## AISKRIM

Sifat aiskrim yang sejuk dan tekstur yang lembut dapat mengurangkan sakit tekak kerana tekak akan merasa kebas.




## MADU ASLI

- Madu boleh dimakan begitu sahaja atau dicampurkan dengan bahan semulajadi lain seperti perahan limau nipis dan jus lemon.



- Kombinasi madu asli, perahan jus lemon dan air suam menghasilkan ramuan mujarab untuk mengurangkan batuk.
- Madu mampu menenangkan manakala jus lemon boleh membantu daripada berlakunya kesesakan pada rongga.

## BAWANG PUTIH




- Membakar satu labu bawang putih di atas dapur gas selama 15 minit.
- Jangan buang kulitnya dan pastikan ianya tidak terbakar sehingga hangit atau rentung.
- Selepas 15 minit, buang kulitnya dan makan begitu sahaja.

## HALIA

- Keberkesanan halia terbukti apabila dijadikan teh halia dan diminum secara panas atau suam.
- Campurkan pudina segar untuk bantu menghilangkan gatal pada kerongkong.

## AIR MASAK

Kerap minum air masak.



## ASAM JAWA

- Hanya perlu campurkan dua sudu asam jawa dengan air suam dan kacau hingga sebati.
- Jangan lupa tapiskan air asam jawa untuk buang biji dan seratnya.